



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## **SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PELAPORAN DATA COVID-19 KPM**

**1. Apakah tujuan Aplikasi Data COVID-19 KPM ini?**

Aplikasi Data COVID-19 KPM ini bertujuan untuk mendapatkan laporan kes COVID-19 dalam kalangan warga institusi pendidikan dengan terkini, tepat dan sahih.

**2. Siapakah individu yang perlu dilaporkan di dalam laporan kes berkaitan COVID-19?**

Individu terlibat adalah murid/ pelajar, guru/ pensyarah, pegawai dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) di semua institusi pendidikan iaitu sekolah, Insitut Pendidikan Guru (IPG), Kolej Matrikulasi (KM) serta Institusi Pendidikan Swasta (IPS) yang berdaftar dengan KPM.

**3. Adakah GPK HEM/ pegawai yang dipertanggungjawabkan boleh menurunkan kuasa kepada guru/ personel lain untuk mengisi laporan kes berkaitan COVID-19?**

Hanya GPK HEM/ pegawai yang dipertanggungjawabkan sahaja yang boleh mengisi laporan kes berkaitan COVID-19 dan tidak boleh menurunkan kuasa kepada guru/ personel lain.

**4. Adakah pihak institusi pendidikan perlu melaporkan kes positif, kes sembuh, kes kuarantin, bebas kuarantin, kes PUI, bebas PUI dan meninggal dunia di dalam Aplikasi Data COVID-19 KPM?**

Ya. Semua kes positif, kes sembuh, kes kuarantin, bebas kuarantin, kes PUI, bebas PUI dan meninggal dunia perlu dilaporkan.

**5. Berapakah tempoh masa yang diberikan kepada institusi pendidikan untuk mengunci masuk kes berkaitan COVID-19 ke dalam Aplikasi Data COVID-19 KPM?**

5.1 Bagi kes positif, pihak institusi perlu melaporkan dengan segera bilangan kes kepada PPD melalui Whatsapp sebaik sahaja menerima laporan kes.

5.2 Dalam tempoh 30 minit, pihak institusi perlu mengisi data dengan terperinci dalam Aplikasi Data COVID-19 KPM untuk kes jangkitan luar (tanpa pelan lantai).

5.3 Dalam tempoh tiga jam, pihak institusi perlu mengisi data dengan terperinci yang melibatkan jangkitan dalam institusi/ tempat kerja berserta pelan lantai.

5.4 Institusi perlu memastikan keseluruhan kes berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari yang sama sebelum jam 12 tengah malam.

**6. Sekiranya pensyarah/ guru/ pegawai/ AKP/ pelajar/ murid disahkan positif COVID-19, tetapi tidak mendapat maklumat yang lengkap bagaimana punca jangkitan berlaku, adakah kes tersebut perlu dilaporkan?**

Ya. Setiap kes perlu dilaporkan.

**7. Adakah pihak institusi perlu mengemas kini status kes sekiranya terdapat pertambahan atau pengurangan kes?**

Ya. Pihak institusi perlu sentiasa mengemas kini status kes sekiranya terdapat pertambahan atau pengurangan kes positif, kes sembuh, kes kuarantin, bebas kuarantin, kes PUI, bebas PUI dan meninggal dunia.

**8. Bilakah waktu terakhir pihak institusi perlu mengisi laporan kes berkaitan COVID-19 ke dalam Aplikasi Data COVID-19 KPM?**

Pihak institusi perlu memastikan kes berkaitan COVID-19 dikunci masuk selewat-lewatnya sebelum jam 11.59 malam pada hari kes dilaporkan.

**9. Bagaimana dengan kes berkaitan COVID-19 yang tidak diketahui oleh pihak institusi kerana tidak dimaklumkan?**

Setiap kes perlu dilaporkan sebaik sahaja kes tersebut diterima dengan mencatatkan tarikh kes.

**10. Sekiranya pensyarah/ guru/ pegawai/ AKP/ pelajar/ murid sedang bercuti atau tempoh PdPR, adakah kes tersebut masih perlu dilaporkan?**

Ya.

**11. Bagaimana jika naratif diisi dengan tidak lengkap?**

PPD akan mengembalikan laporan yang tidak lengkap kepada pihak institusi sebelum disahkan.

- 12. Adakah personel yang bukan warga KPM (contoh: pengawal keselamatan, pekerja kontrak, pengusaha kantin dsb) perlu dilaporkan juga jika ada kes berkaitan COVID-19?**

Tidak perlu.

- 13. Bagaimana pihak institusi mengemas kini status kes berkaitan COVID-19 sekiranya tiada maklumat?**

Pihak institusi perlu mendapatkan status maklumat terkini dari semasa ke semasa dengan menghubungi PKD atau ahli keluarga pesakit.

- 14. Adakah semua IPS perlu melaporkan kes berkaitan COVID-19?**

Hanya IPS yang berdaftar dengan KPM sahaja perlu melaporkan kes berkaitan COVID-19 di dalam Aplikasi Data COVID-19 KPM.

- 15. Apakah yang perlu dilakukan jika berlaku ralat pengisian?**

Institusi boleh mengemas kini data dalam Aplikasi Data COVID-19 KPM.

- 16. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya maklumat profil pensyarah/ guru/ pegawai/ AKP/ pelajar/ murid tidak lengkap?**

Institusi perlu melengkapkan dan mengemas kini maklumat profil tersebut dalam sistem induk.

- 17. Adakah pelajar bukan warganegara perlu dilaporkan jika ada kes berkaitan COVID-19?**

Ya.

- 18. Jika sebelum ini PIC di bahagian KPM dan JPN perlu mengunci masuk kes berkaitan COVID-19, bagaimana pula dengan Aplikasi Data COVID-19 KPM?**

Semua kes melibatkan warga institusi akan dikunci masuk oleh GPK HEM/ PIC institusi masing-masing.

- 19. Adakah perlu disediakan pelan lantai?**

Pelan lantai hanya perlu disediakan sekiranya jangkitan kes positif COVID-19 berlaku di dalam institusi/ tempat kerja sahaja.

20. **Siapakah yang boleh melihat papan pemuka Data COVID-19?**

Papan pemuka hanya boleh dilihat oleh *Task Force* Data Covid-19 KPM. JPN dan PPD hanya boleh melihat paparan data bagi negeri masing-masing sahaja.

21. **Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku kesilapan ketika mengunci masuk kes berkaitan COVID-19?**

GPK HEM/ PIC institusi boleh mengemas kini data di dalam Aplikasi Data COVID-19 KPM.

22. **Adakah Aplikasi Data COVID-19 KPM dipautkan dengan mana-mana aplikasi sedia ada di KPM?**

Ya.

23. **Apakah peranan JPN dan PPD?**

PPD mengesahkan kes berkaitan COVID-19 yang dilaporkan sekolah.

JPN memastikan data telah disahkan oleh PPD dan membuat pelaporan bagi kes berkaitan COVID-19 yang berlaku di negeri masing-masing.

24. **Pihak mana yang bertanggungjawab terhadap data berkaitan COVID-19 yang dilaporkan?**

Institusi pendidikan, PPD, JPN dan PIC Bahagian KPM.

25. **Bagaimana untuk memastikan data yang dikunci masuk ke dalam Aplikasi Data COVID-19 KPM adalah lengkap?**

PPD perlu menyemak setiap data yang dikunci masuk oleh institusi.

26. **Bagaimana untuk mengetahui data yang dikunci masuk ke dalam Aplikasi Data COVID-19 KPM telah disemak dan disahkan?**

Terdapat indikator Status Pengesahan.

27. **Sehingga bila kes berkaitan COVID-19 perlu dilaporkan?**

Sehingga dimaklumkan oleh KPM.

**28. Adakah kes berkaitan COVID-19 di prasekolah/ tadika swasta perlu dilaporkan?**

Ya.

**29. Siapakah yang boleh dihubungi sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan pengisian data ke dalam Aplikasi Data COVID-19 KPM?**

PIC JPN dan Bahagian.

**30. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat masalah teknikal semasa mengunci masuk di Aplikasi Data COVID-19 KPM?**

GPK HEM/ PIC institusi boleh muat turun borang aduan teknikal di Aplikasi Data COVID-19 KPM.

**TAMAT**